

## BAB 5

### LEKSEM DAN PEMAKNAAN: PENELITIAN TERHADAP AMALAN LEKSIKOGRAFI DENGAN TUMPUAN KEPADA KAMUS DEWAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan ciri-ciri makna secara ringkas dan seterusnya akan melihat beberapa prinsip pemaknaan yang diamalkan dalam bidang leksikografi dengan memberi tumpuan kepada amalan pemaknaan yang terdapat dalam Kamus Dewan. Seterusnya, bab ini akan melihat bagaimana Kamus Dewan menangani aspek pemaknaan setiap leksem yang dimuatkan sebagai entri.

Salah satu tugas kamus yang penting ialah memberi makna atau takrif kepada perkataan. Kamus dianggap sebagai autoriti dalam beberapa aspek penggunaan bahasa. Tugas mentakrif leksem bukanlah satu kerja yang mudah. Pentakrif harus tahu dengan mendalam makna dalaman dan luaran sesuatu leksem sebelum memberikan maknanya.

Aspek makna bagi sesuatu kata, ayat dan sebagainya dikenali sebagai semantik. Adriene Lehrer (1974: 01) mendefinisi semantik sebagai satu kajian tentang makna dalam satu bidang yang

luas, menyentuh beberapa aspek mengenai struktur dan fungsi bahasa terutama dalam bidang psikologi, falsafah dan antropologi. Analisis semantik dilakukan dengan tujuan menunjukkan hubungan di antara sesuatu kata dengan sesuatu kata.

Palmer (1976: 01) mengatakan bahawa semantik ialah istilah yang merujuk kepada kajian makna, dan oleh sebab makna merupakan sebahagian daripada bahasa, maka semantik menjadi sebahagian daripada linguistik. Beliau telah meletakkan kata sebagai salah satu unit semantik yang terdapat dalam tatabahasa dan mencadangkan leksem sebagai unit asas semantik yang terdapat di dalam kamus.

### **5.2 Pemaknaan : Amalan Leksikografi**

Zgusta Ladislav (1971: 257) telah menyenaraikan beberapa prinsip penting dalam mendefinisi sesuatu kata masukan (akan disebut sebagai leksem). Prinsip-prinsip tersebut ialah:

1. Semua perkataan yang digunakan dalam pentakrifan leksem mestalah jelas.

2. Definisi leksikal seharusnya tidak mengandungi perkataan yang lebih susah daripada leksem yang didefinisi.
3. Leksem yang didefinisi tidak boleh digunakan semasa membuat penerangan, tetapi boleh digunakan bagi menunjukkan perbezaan kelas kata.
4. Definisi yang dibuat terhadap sesuatu leksem itu mestilah berhubung kait dengan kelas kata yang didukungnya.

J.R Ayto (1983 : 89) mengatakan bahawa alat asas bagi analisis semantik leksikografi ialah bentuk analitikal klasik yang terdiri dari-pada kata *genus* yang menunjukkan kelas superordinat bagi kata yang hendak ditakrif. Contoh yang diberikan oleh beliau ialah takrif bagi *Dutch barn* yang didefinisi sebagai "*A wallless building with a curved roof supported on a frame, used for storing crops*". *Dutch barn* di sini tergolong ke dalam kelas kata umum 'bangunan'.

Beliau juga mengatakan bahawa ahli leksikografi harus mencari keseimbangan di antara kuasa takrif kata dengan genusnya (kata yang ditakrif tidak terlalu khusus dan tidak menjadi terlalu umum). Keseimbangan ini dapat dilakukan

dengan melihat ciri-ciri semantik yang terdapat dalam sesuatu kata itu. Ciri-ciri genus memang tidak terdapat dalam bahasa Melayu, namun ahli-ahli leksikografi Melayu boleh menjadikan konsep keseimbangan ini dengan meneliti kelas yang didukung oleh sesuatu kata dalam membuat pentakrifan supaya kata yang ditakrif menjadi lebih jelas.

Prinsip-prinsip pemaknaan dalam Kamus Dewan dan bidang leksikografi juga turut dibincangkan sebagai pengenalan terhadap aspek makna yang terdapat dalam bidang kajian ini. Oleh sebab kajian ini lebih tertumpu kepada proses pembentukan kata dalam penghasilan Kamus Dewan, maka perbincangan yang seterusnya tertumpu kepada pengaruh proses pembentukan kata terhadap aspek makna yang terdapat dalam Kamus Dewan.

### 5.3 Pemaknaan : Manual Kamus Dewan

Berdasarkan Manual Kamus Dewan Edisi Ketiga, beberapa panduan disediakan bagi mentakrif atau memberi definisi kepada sesuatu entri yang akan dimuatkan ke dalam kamus.

Empat pendekatan telah digunakan dalam memberi definisi kepada entri, iaitu :

(a). Pendekatan leksikografi. Pendekatan ini menghuraikan secara berurutan ciri-ciri semantik terpenting sesuatu kata yang membezakannya daripada kata yang lain. Takrif jenis ini pada umumnya berupa penjelasan singkat dan sederhana.

Misalnya:

**rumah** binaan untuk tempat tinggal  
**abu** sisa sesuatu yang telah hangus dibakar atau terbakar  
**bandar** tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan...

(b). Pendekatan sinonim. Pendekatan ini menggunakan padanan kata yang sama atau hampir mirip maknanya dengan kata masukan.

Misalnya:

**jamung** andang; suluh  
**aral** halangan; gendala; rintangan  
**mengistiharkan** mengumumkan; memaklumkan; mempernyatakan  
**randuk;** **meranduk** mengharungi (air, rumput dll); menempuh; merandai

(c). Pendekatan logik. Pendekatan ini memerikan makna kata yang secara tegas mengidentifikasikan objek yang diuraikan sehingga membezakannya daripada objek-objek lain dan menggolongkan secara tegas sebagai anggota golongan yang terdekat. Penggolongan ini tidak terlalu luas dan tidak terlalu sempit.

Pendekatan logik ini lebih bersifat ilmiah daripada takrif leksikografi. Pendekatan logik ini sesuai untuk istilah-istilah dalam bidang disiplin tertentu.

Misalnya,

**limfa** cecair jernih, berwarna kekuningan, beralkali dan terdapat dalam salur limfa atau wujud sebagai bendalir tisu. Limfa menyerupai plasma darah tetapi tidak mempunyai sel darah merah dan kandungan proteinnya kurang. Limfa mengandungi sel darah putih, terutamanya limfosit.

**geometri** Ig cabang matematik yang mengkaji sifat-sifat dan perhubungan di antara garis-garis, sudut-sudut, permukaan dan bongkah.

d. Pendekatan ensiklopedia. Pendekatan ini memberikan gambaran maknanya secara terperinci dan meluas.

Misalnya,

**kata** 2. gabungan atau kesatuan bunyi yang mengandungi atau menyampaikan pengertian (makna tertentu); . . . suku satuan (unit) bunyi yang terdiri daripada vokal atau yang didahului atau diikuti oleh konsonan dan merupakan bahagian daripada sesuatu kata . . .

(Manual Kamus Dewan: 1992: 02).

Seterusnya akan dibincangkan analisis pemaknaan yang dilakukan dalam Kamus Dewan berdasarkan pendekatan-pendekatan dinyatakan di atas.

#### **5.4 Analisis Pemaknaan Amalan Kamus Dewan**

Secara umumnya proses pemaknaan yang dilakukan dalam Kamus Dewan mengikut pendekatan-pendekatan yang telah diterangkan di atas. Selain itu, Kamus Dewan juga menggunakan kaedah antonim dalam proses pemaknaan entri. Kaedah antonim ialah pentakrifan yang dibuat terhadap sesuatu entri dengan menyertakan lawan makna entri tersebut. Misalnya, *cantik* diberi makna *tidak huduh*.

Kajian ini telah meneliti kira-kira 6977 entri yang dipilih daripada sepuluh halaman bagi setiap abjad dengan mengambil kira leksem-leksem tunggal, terbitan, ganda dan majmuk.

Entri bagi abjad A dipilih daripada halaman 1 hingga 10, iaitu sebanyak 262 entri. Kira-kira 93 entri didefinisi dengan menggunakan pendekatan leksikografi, 161 entri menggunakan pendekatan sinonim, dan 8 entri menggunakan pendekatan logik, manakala pendekatan antonim dan ensiklopedia tidak ditemui dalam halaman tersebut.

Abjad B dilihat daripada halaman 118 hingga 128, iaitu sebanyak 405 entri. Entri yang didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi ialah sebanyak 119, pendekatan sinonim 254, pendekatan logik 30 dan pendekatan antonim 2, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Bagi abjad C, penelitian dibuat daripada halaman 196 hingga 296, iaitu sebanyak 416 entri. Kira-kira 161 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 234 entri menggunakan pendekatan sinonim, 17 entri

menggunakan pendekatan logik, dan 3 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia digunakan sekali sahaja.

Abjad D diteliti daripada halaman 258 hingga 268, iaitu sebanyak 358 entri. Sebanyak 212 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 141 entri didefinisi menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan logik, dan 2 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak digunakan.

Abjad E diteliti daripada halaman 302 hingga 312, iaitu sebanyak 310 entri. Kira-kira 197 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 109 entri menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan logik, dan 2 entri menggunakan pendekatan antonim.

Abjad F diteliti daripada halaman 321 hingga 327, iaitu sebanyak 225 entri. Abjad F ini diteliti sebanyak 8 halaman sahaja kerana entri yang dimuatkan tidak melebihi jumlah halaman tersebut. Kira-kira 132 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 83 entri menggunakan pendekatan sinonim, 9 entri

didefinisi menggunakan pendekatan logik, dan satu entri yang didefinisi menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Bagi abjad G pula entri dipilih daripada halaman 344 hingga 354, iaitu sebanyak 364 entri. Berdasarkan kesemua jumlah tersebut kira-kira 141 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 205 entri menggunakan pendekatan sinonim, 15 entri menggunakan pendekatan logik, dan 3 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad H diteliti daripada halaman 412 hingga 422, iaitu sebanyak 256 entri. 149 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 95 entri menggunakan pendekatan sinonim, 8 entri menggunakan pendekatan logik, dan 4 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad I diteliti daripada halaman 442 hingga 452, iaitu sebanyak 263 entri. Kira-kira 165 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 91 entri menggunakan pendekatan

sinonim, 5 entri menggunakan pendekatan logik, dan satu entri menggunakan pendekatan antonim dan ensiklopedia.

Abjad J dilihat daripada halaman 492 hingga 502, iaitu sebanyak 389 entri. Kira-kira 188 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 194 entri menggunakan pendekatan sinonim, 5 entri menggunakan pendekatan logik dan satu entri menggunakan pendekatan antonim dan ensiklopedia.

Abjad K diteliti daripada halaman 544 hingga 554, iaitu sebanyak 331 entri. Kira-kira 175 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 154 entri menggunakan pendekatan sinonim, 2 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan logik dan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad L pula diteliti daripada halaman 710 hingga 720, iaitu sebanyak 343 entri. Kira-kira 195 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 146 entri menggunakan pendekatan sinonim, dan 2 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan logik dan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad M pula diteliti daripada halaman 828 hingga 838, iaitu sebanyak 348 entri. Kira-kira 196 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 144 entri menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan antonim, 5 entri menggunakan pendekatan ensiklopedia, manakala pendekatan logik tidak ditemui.

Abjad N pula dilihat daripada halaman 860 hingga 870, iaitu sebanyak 421 entri. Kira-kira 214 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 173 entri didefinisi menggunakan pendekatan sinonim, 2 entri menggunakan pendekatan logik, 3 entri menggunakan pendekatan antonim, dan 2 entri menggunakan pendekatan ensiklopedia.

Abjad O dilihat daripada halaman 871 hingga 881, iaitu sebanyak 319 entri. Kira-kira 163 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 152 entri menggunakan pendekatan sinonim, 2 entri menggunakan pendekatan logik, 2 entri menggunakan pendekatan ensiklopedia, dan pendekatan antonim tidak ditemui.

Abjad P diteliti daripada halaman 894 hingga 904, iaitu sebanyak 262 entri. Kira-kira 164 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 97 entri menggunakan pendekatan sinonim, dan satu entri menggunakan pendekatan logik, manakala pendekatan antonim dan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad Q hanya mempunyai satu halaman sahaja, iaitu 1007 yang mengandungi 20 entri. 18 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 2 entri menggunakan pendekatan sinonim, manakala pendekatan-pendekatan lain tidak ditemui.

Abjad R pula diteliti daripada halaman 1008 hingga 1018, iaitu sebanyak 279 entri. Kira-kira 159 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 119 entri menggunakan pendekatan sinonim, satu entri menggunakan pendekatan logik, manakala pendekatan antonim dan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad S dilihat daripada halaman 1128 hingga 1138, iaitu sebanyak 318 entri. Kira-kira 158 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 154 entri menggunakan

pendekatan sinonim, 4 entri menggunakan pendekatan logik, dan satu entri menggunakan pendekatan antonim dan ensiklopedia.

Abjad T pula dilihat daripada halaman 1302 hingga 1312, iaitu sebanyak 266 entri. Kira-kira 189 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 71 entri menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan logik dan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad U pula diteliti daripada halaman 1420 hingga 1430, iaitu sebanyak 242 entri. Kira-kira 156 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 81 entri menggunakan pendekatan sinonim, dan 5 entri menggunakan pendekatan logik, manakala pendekatan antonim dan ensiklopedia tidak ditemui.

Semua entri yang bermula dengan abjad V dianalisis, iaitu daripada halaman 1451 hingga 1453, yang mengandungi kira-kira 74 entri. Sebanyak 64 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 6 entri menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan logik,

dan satu entri menggunakan pendekatan antonim dan ensiklopedia.

Semua entri yang bermula dengan abjad W juga dianalisis, iaitu daripada halaman 1454 hingga 1466 yang mengandungi kira-kira 363 entri. Kira-kira 201 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 159 entri menggunakan pendekatan sinonim, 3 entri menggunakan pendekatan antonim, manakala pendekatan logik dan ensiklopedia tidak ditemui.

Abjad X hanya dimuatkan dalam satu halaman sahaja dan mengandungi 8 entri. Empat entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 3 entri menggunakan pendekatan ensiklopedia dan satu entri menggunakan pendekatan logik, manakala pendekatan sinonim dan antonim tidak ditemui.

Entri yang bermula dengan abjad Y juga diteliti kesemua sekali, iaitu daripada halaman 1468 hingga 1470 yang mengandungi kira-kira 69 entri. Kira-kira 43 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi dan 26 entri menggunakan pendekatan sinonim, manakala pendekatan-pendekatan lain tidak ditemui.

Entri yang bermula dengan abjad Z diteliti kesemua sekali, iaitu daripada halaman 1471 hingga 1473 yang mengandungi kira-kira 89 entri. Kira-kira 59 entri didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi, 28 entri menggunakan pendekatan sinonim, satu entri menggunakan pendekatan logik dan antonim, manakala pendekatan ensiklopedia tidak ditemui.

Berikut disertakan jadual bagi analisis di atas:

**Jadual Analisis Pemaknaan dalam Kamus Dewan**

Abjad	L	S	Lg	A	E
A	93	161	8	0	0
B	119	254	8	2	0
C	161	234	17	3	1
D	212	141	3	2	0
E	197	109	2	2	0
F	132	83	9	1	0
G	141	205	15	3	0
H	149	95	8	4	0
I	165	91	5	1	1
J	188	194	5	1	1
K	175	154	0	2	0
L	195	146	0	2	0
M	196	144	0	3	5
N	241	173	2	3	2
O	163	152	2	0	2
P	164	97	1	0	0
Q	18	2	0	0	0

R	159	119	1	0	0
S	158	154	4	1	1
T	189	71	3	3	0
U	156	81	5	0	0
V	64	6	3	1	1
W	201	59	0	3	0
X	4	0	1	0	3
Y	43	26	0	0	0
Z	59	28	1	1	0
Jumlah	3715	3079	125	41	17

Petunjuk: L = Leksikografi  
 S = Sinonim  
 Lg = Logik  
 A = Antonim  
 E = Ensiklopedia

Seterusnya akan dibincangkan pendekatan yang digunakan dalam pentakrifan leksem-leksem yang dimuatkan sebagai entri dalam Kamus Dewan. Beberapa contoh diambil daripada bahan yang dikaji.

#### 5.4.1 Pendekatan Leksikografi

Seperti yang telah dibincangkan dalam 5.3, pendekatan leksikografi ialah satu kaedah pemakaian dengan menghuraikan ciri-ciri utama sesuatu leksem bagi membezakannya dengan leksem yang lain.

Berikut ialah contoh pemaknaan yang menggunakan pendekatan leksikografi yang diambil daripada

Kamus Dewan:

**bengkel** (bengkel) IB 1. tempat membaiki kereta dll; 2. kilang kecil (tempat tukang-tukang bekerja): syarikat kerjasama kenderaan Melayu Melaka juga sudah mempunyai ~ - ~ tempat membaiki kereta; 3. mesyuarat (perbincangan dsb) secara berkelompok utk mengkaji sesuatu atau bertukar-tukar pendapat (idea dsb) tentang sesuatu: ~ penulisan cerita kanak-kanak;

**berbengkel** mengadakan bengkel (perbincangan berkelompok;

**perbengkelan** yg berkaitan dgn perusahaan (pekerjaan) bengkel.  
(Kamus Dewan: 1989:126)

Dalam contoh ini, leksem tunggal **bengkel** serta leksem-leksem terbitan **berbengkel** dan **perbengkelan** telah didefinisi dengan menggunakan pendekatan leksikografi. Huraianya lengkap dan jelas.

Terdapat juga leksem tunggal yang didefinisi menggunakan pendekatan sinonim, manakala leksem terbitannya didefinisi menggunakan pendekatan leksikografi.

Contoh:

**fikir** 1. ingatan, angan-angan, renung, akal : ~ akal itu pelita hati; daya ~ daya atau keupayaan (utk) berfikir; ~ sebelit, = kurang ~ tidak ingat-ingat

(dipertimbangkan baik-baik); tak habis tidak mengerti (hujung pangkalnya maka jadi begitu); ahli ↗ ahli falsafah; 2. anggapan, pendapat, sangka, kira: pada ↗ nya kita tidak akan datang; ↗ ku, sangkaku, pd sangkaanku;

**berfikir** menggunakan akal (utk menyelesaikan sesuatu dsb), mempertimbangkan (dlm ingatan); ia ↗ bahawa wang itu lebih berharga drpd nyawanya; iapun ↗ lalu berkata; ↗ panjang mempertimbangkan baik-baik.

**berfikirkan** berfikir mengenai sesuatu **memikir, memikirkan** 1. berfikir mengenai sesuatu, merenung sesuatu: ia kelihatan mengerutkan kening seolah-olah ↗ sesuatu; 2. menyangka, menganggap: apa kau fikir aku tidak tahu persoalannya;

**memikirkan** 1. menggunakan akal (utk menyelesaikan sesuatu, merenungkan, mempertimbangkan (dlm fikiran): Mariam berjanji akan ↗ pinangan orang itu; mereka yg bertanggungjawab tentang persoalan pendidikan mestilah ↗ dua perkara ini; 2. mengenangkan: aku banyak ↗ masa depanku; 3. mengendahkan, mempedulikan, memandang penting: kalau jadi ia kahwin dgn gadis itu akan bererti bahawa ia tidak ↗ celaan orang;

**terfikir** teringat, termasuk dlm akal, tersangka: tidak ↗ pd diriku kejadian spt ini akan menimpanya;... (Kamus Dewan: 1989 :324)

Leksem **fikir** di atas didefinisi dengan menggunakan pendekatan sinonim dan leksem terbitannya **berfikir** didefinisi dengan

menggunakan pendekatan leksikografi, manakala leksem terbitan yang berikutnya **berfikirkan**, **memikir**, **memikiri**, **memikirkan** dan **terfikir** didefinisi menggunakan kedua-dua pendekatan.

Kamus Dewan menggunakan kaedah leksikografi agak kerap berbanding kaedah yang lain. Berdasarkan analisis, daripada 6977 entri yang dipilih sebanyak 3715 entri didefinisi menggunakan kaedah ini, dengan peratusan sebanyak 53.25 %.

Umumnya, penggunaan pendekatan leksikografi ini dapat menjelaskan setiap leksem tunggal yang dijadikan entri. Demikian juga leksem terbitannya pula didefinisi menggunakan kaedah leksikografi dan sinonim, ataupun diterangkan dengan menggunakan leksem tunggal yang dijadikan entri itu sendiri.

#### 5.4.2 Pendekatan sinonim

Pendekatan sinonim ialah satu pendekatan yang memberi padanan kata seerti kepada leksem yang dimuatkan sebagai entri. Kebanyakan leksem yang didefinisi menggunakan pendekatan sinonim terdiri daripada leksem

tunggal. Berikut ialah contoh beberapa leksem tunggal yang didefinisi dengan menggunakan pendekatan sinonim yang diambil daripada Kamus Dewan:

**adib** Ar beradab, berbahasa, sopan

**adicita** Id ideologi

**adjektif** E kata sifat

Pendekatan sinonim ini juga digunakan bagi mendefinisi leksem terbitan.

Contoh:

**carik I** 1. cabik, robek, sobek, koyak memanjang; 2. = **carikan** cabikan 3.helai, keping: se↔ kertas; sirih ↔ :

**mencarik, mencarikkan** mencabik, mengoyak;

**bercarik-carik** carik di sana sini, cabik-cabik, carik-carik: habis pecah↔ seluar dan baju kertasnya;

**mencarik-carik, mencarik-carikkan**  
mencabik-cabik,mengoyak-ngoyakkan.  
(Kamus Dewan: 1989: 196)

Leksem tunggal **carik** di atas didefinisi menggunakan pendekatan sinonim; begitu juga leksem-leksem terbitan **mencarik, mencarikkan, bercarik-carik, dan mencarik-carik, mencarik-carikkan** yang didefinisi menggunakan pendekatan sinonim. Terdapat juga bentuk leksem tunggal yang didefinisi dengan menggunakan pendekatan sinonim

manakala leksem terbitannya pula didefinisi dengan menggunakan pendekatan leksikografi.

Contoh:

**kejar** hambat, buru; main  $\curvearrowleft$  - main ham-  
bat-menghambat (sj permainankanak-  
kanak)

**berkejar** pergi dgn terburu-buru (ke suatu  
tempat), berlari cepat (utk  
mendapatkan seseorang): dua  
kereta bomba telah  $\curvearrowleft$  ke tempat  
kebakaran itu;

**berkejaran, berkejar-kejaran** berlari  
beramai-ramai (banyak-banyak),  
berlari hambat-menghambat  
(buru-memburu): dua tiga ekor  
ayam  $\curvearrowleft$  bila saja Majid  
menaburkan padi; beberapa orang  
kanak-kanak riuh berkejar-kejaran  
di halaman rumah;

**mengejar, mengejari** 1. berlari dll utk  
mengikuti (mendapatkan, menangkap)  
seseorang atau sesuatu, memburu,  
menghambat: polis sedang  $\curvearrowleft$   
penyamun-penyamun yg melarikan  
diri itu; 2. ki sangat kuat  
menginginkan, bersungguh-sungguh  
dan bersusah payah hendak  
memperolehi(mencapai): dia  
sekarang  $\curvearrowleft$  wang;  $\curvearrowleft$  kehormatan;  $\curvearrowleft$   
pangkat; putih dikejar, hitam tak  
dapat...  
(Kamus Dewan: 1989 :555)

Pendekatan sinonim ini juga agak kerap  
digunakan dalam Kamus Dewan, iaitu daripada 6977  
jumlah entri yang dianalisis sebanyak 3079 atau  
44.13 % entri didefinisi menggunakan pendekatan  
ini. Ini kerana pendekatan ini merupakan salah  
satu pendekatan yang mudah dan senang difahami

terutama dalam kamus ekabahasa. Sesuai dengan bentuk entri dan kegunaannya Kamus Dewan umumnya telah dapat menggunakan pendekatan sinonim dengan baik dan teratur dalam proses pemaknaannya.

#### 5.4.3 Pendekatan logik

Pendekatan logik ialah satu kaedah pemaknaan yang melihat kepada identiti sesuatu objek yang dihuraikan sehingga membezakannya daripada objek yang lain. Seperti yang telah dinyatakan, pendekatan ini sesuai digunakan dalam menghuraikan istilah-istilah dalam sesuatu bidang. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, pendekatan logik ini kebanyakannya lebih tertumpu kepada istilah-istilah sains.

Contoh:

**xilem** Ig is tisu tumbuhan yg membawa air dan garam mineral dr akar-akar ke semua bahagian pokok dan memberikan sokongan kpd pokok serta membentuk kayu pd pokok renek. (Kamus Dewan: 1989: 1467)

**varnis** Ig sj cat berminyak yg terdiri drpd campuran pelarut dan bahan perekat (digunakan utk memelihara dan mengilatkan perabot kayu dan rotan);  
(Kamus Dewan: 1989: 1451)

**memvarnis** menyapu varnis pd sesuatu: *tukang kayu itu sedang ~ almari;*

**nukleus** (nukleus) is 1. jasad protoplasma yg berbentuk bulat yg terdapat

dlm sel hidup (mengandungi bahan baka dan mengawal segala aktiviti tubuh); 2 bahagian tengah atom yg terdiri drpd proton dan neutron; 3. ki inti (sesuatu perkara), pokok sari.

(Kamus Dewan: 1989:867)

Pendekatan logik ini kelihatan agak sama dengan pendekatan leksikografi, cuma pendekatan logik menghuraikan sesuatu bentuk leksem dengan lebih lengkap dan jelas). Misalnya, leksem tunggal **varnis** di atas merupakan leksem yang didefinisi menggunakan pendekatan logik, manakala leksem terbitan **memvarnis** pula menggunakan pendekatan leksikografi.

Oleh sebab pendekatan logik ini lebih sesuai untuk menghuraikan istilah-istilah tertentu, maka penggunaannya dalam Kamus Dewan agak terhad. Berdasarkan analisis yang dibuat, daripada 6977 entri yang diteliti, hanya 125 atau 1.79 % entri sahaja didefinisi menggunakan pendekatan logik ini.

#### 5.4.4 Pendekatan Ensiklopedia

Pendekatan ensiklopedia menghuraikan makna sesuatu leksem dengan terperinci dan meluas. Oleh sebab pendekatan ini memerlukan

huraian yang lengkap dan meluas, maka penggunaannya dalam Kamus Dewan agak terhad. Kamus Dewan menggunakan pendekatan ini apabila pendekatan-pendekatan lain tidak dapat menghuraikan makna sesuatu leksem dengan jelas.

Misalnya:

**abad Ar** jangka masa seratus tahun (atau satu drpd jangka masa seratus tahun yg berurutan yg dimulai dgn kejadian yg terpenting, iaitu Hijrah Nabi Muhammad S.A.W bagi Tahun Hijrah atau kelahiran Nabi Isa bagi Tahun M a s i h i , kurun: dlm ~ ke-15 tarikh Masihi ( ke-9 tarikh Hijrah) Melaka berkuasa di Asia Tenggara; beberapa ~ yang lampau beberapa tahun yg lalu; ~ ke dua puluh dr tahun 1901 hingga ke tahun 2000.. (Kamus Dewan: 1989: 01)

**moral E** 1. ajaran atau pegangan bkn buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan dll), sikap atau cara berkelakuan yg berasaskan atau yg diukur dr s e g i ketentuan-ketentuan tentang baik buruk sesuatu akhlak: kadang-kadang dongeng-dongeng itu memang perlu sbg saluran pendidikan ke arah membentuk akhlak atau ~ yg baik; Datuk Penghulu ini sangat fanatic dalam perkara menjaga ~ ; 2. yg berkaitan dgn apa yg betul atau adil; bantuan ~ bantuan dgn kata-kata yg mengakui kebenaran atau yg menyokong seseorang atau sesuatu pihak (bukan berupa kebendaan)...  
(Kamus Dewan: 1989: 834)

Pendekatan ensiklopedia ini kurang sesuai digunakan untuk mendefinisi leksem yang dimuatkan dalam kamus, sesuai dengan namanya

pendekatan ini khusus untuk entri-entri yang dimuatkan dalam ensiklopedia sendiri. Kamus Dewan kurang sekali menggunakan pendekatan ini, daripada 6977 entri yang diteliti hanya 17 atau 0.24 % entri sahaja yang didefinisi menggunakan pendekatan ini.

#### 5.4.5 Pendekatan Antonim

Pendekatan antonim ialah satu pendekatan yang menyertakan lawan sesuatu leksem dalam proses pemaknaan yang dilakukan. Kamus Dewan menggunakan pendekatan ini dengan menggunakan perkataan **tidak** dan meletakkan bentuk leksem yang bertentangan sebagai definisi leksem yang dimuatkan sebagai entri.

Contoh:

**absen** E tidak hadir (di sekolah, di tempat kerja dll) (KD:02)

**abstrak** tidak berupa atau bersifat kebendaan (tidak dapat dilihat atau dirasa dgn pancaindera), tidak konkret atau maujud, niskala: kesetiaan adalah sesuatu yg  $\curvearrowleft$ ; (Kamus Dewan: 1989: 02)

**benci** tidak suka: ada orang yg  $\curvearrowleft$  melihat kita aman damai dlm rumahtangga

**membenci** benci akan, tidak menyukai: saya rasa saya  $\curvearrowleft$  nya lebih daripada saya menyukainya; (Kamus Dewan; 1989: 123)

Oleh sebab pendekatan antonim ini kurang sesuai diaplikasikan dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu, maka pentakrifan yang menggunakan pendekatan ini tidak digalakkan. Pendekatan ini digunakan cuma dalam kes-kes tertentu yang didapati tiada pendekatan lain yang sesuai.

Pendekatan antonim ini sesuai digunakan sekiranya pihak penyusun-penyusun kamus ingin menghasilkan sebuah kamus antonim. Dalam hal ini kesemua entri atau leksem yang dimuatkan akan didefinisi menggunakan kaedah ini. Penggunaan pendekatan ini dalam Kamus Dewan juga agak terhad. Kira-kira 41 atau 0.59 % entri sahaja yang ditemui menggunakan pendekatan ini daripada 6977 entri yang dianalisis.

#### 5.4.6 Rumusan

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap Kamus Dewan, secara keseluruhannya pendekatan leksikografi dan sinonim lebih meluas penggunaannya berbanding dengan pendekatan-pendekatan yang lain. Berikut disertakan jadual analisis kekerapan pemaknaan mengikut pendekatan-pendekatan yang digunakan.

Pendekatan	Jumlah Kehadiran	Peratus
Leksikografi	3715	53.25%
Sinonim	3079	44.13%
Logik	125	1.79%
Antonim	41	0.59%
Ensiklopedia	17	0.24%
Jumlah	6977	100%

Jadual : Analisis Kekerapan Pemaknaan Mengikut Pendekatan yang digunakan dalam Kamus Dewan

Berdasarkan analisis di atas, kelihatan bahawa kebanyakan leksem yang dimuatkan sebagai entri didefinisi dengan menggunakan pendekatan leksikografi. Daripada 6977 entri yang dianalisis, 3715 daripadanya didefinisi dengan menggunakan kaedah leksikografi. Peratus penggunaan pendekatan leksikografi ini agak tinggi, iaitu 53.25 peratus.

Pendekatan sinonim pula kelihatan sebagai pendekatan yang kedua tinggi, iaitu sebanyak 3079 entri didefinisi dengan menggunakan kaedah ini. Pendekatan ini mengambil 44.13 peratus daripada jumlah entri yang dianalisis.

Pendekatan logik, antonim dan ensiklopedia merupakan pilihan yang terakhir dalam mendefinisi leksem. Pendekatan logik digunakan

sebanyak 1.79 peratus, pendekatan antonim sebanyak 0.59 peratus dan pendekatan ensiklopedia hanya digunakan sebanyak 0.24 peratus.

### **5.5 Beberapa Masalah Pemaknaan dalam Kamus Dewan**

Secara keseluruhannya Kamus Dewan telah dapat menangani proses pemaknaan leksem dengan lengkap dan agak teratur. Namun begitu, terdapat beberapa unsur kelemahan yang harus diberi perhatian dalam mentakrifkan leksem.

Seperti yang telah dijelaskan dalam 4.4.1, proleksem ialah bentuk kata yang belum dikategorikan dalam mana-mana golongan kata. Proleksem yang dianggap sebagai kata akar juga akan mengalami perubahan makna yang ketara apabila dikenakan proses morfologi. Kamus Dewan meletakkan proleksem sebagai entri utama.

Namun begitu, terdapat proleksem yang dimuatkan sebagai entri agak kurang jelas maknanya. Contohnya proleksem **tawa**; entri ini diletakkan sebagai entri utama yang disertakan dengan leksem **ketawa** dan tidak pula disertakan maknanya. Bagi melihat bentuk leksem **tawa** ini,

di bawah disertakan contoh yang diambil daripada

Kamus Dewan :

**tawa = ketawa:** ~ Cik Salmah berderai;  
Tuan Haji Fuad mendengar deraian  
~ ratusan muridnya;

**ketawa** 1. perbuatan melahirkan rasa suka  
(dgn suara terkekeh-kekeh): kuat  
sungguh bunyi ~ nya; ~  
orang-orang yg berseloroh itu  
kedengaran lagi; 2.=**tertawa**  
melahirkan rasa suka (senang  
hati) dgn suara terkekeh-kekeh,  
gelak, tergelak: kemudian ia ~  
kuat-kuat; ~ kecil ketawa yg  
tidak kuat; ~ besar = ~  
terbahak-bahak ketawa dgn keras  
dan nyaring;  
(Kamus Dewan: 1989: 1304)

**mengetawai, mentertawai, mengetawakan,**  
**mentertawakan** 1 ketawa (tertawa) akan  
sesuatu, menggelakkan: murid-murid  
turut ketawa, walaupun tidak  
mengetahui apa yang diketawakan  
oleh gurunya itu; 2. tertawa  
terhadap sesuatu: dia  
ditertawakan kerana kelucuannya;  
3. tertawa kerana melihat  
sesuatu, mengejek, mencemuh:  
Fakar mentertawakannya menjadikan  
dirinya semakin marah; dia  
memutuskan tidak akan lari kerana  
takut ditertawakan orang dan jadi  
giatan seumur hidup;

**tertawaan** bahan ketawa: kelakuannya yg  
kebudak-budakan itu menjadi ~  
orang. (Kamus Dewan: 1989: 1304)

Leksem **tawa** di atas tidak diberikan  
takrif, tetapi diletakkan ayat contoh sahaja.  
Takrif hanya diberikan kepada bentuk yang telah  
menerima imbuhan. Sekiranya dirujuk kepada ayat  
contoh yang disediakan, **tawa** seolah-olah  
mendukung makna bagi **ketawa**, pentakrif mungkin

boleh meletakkan sedikit penerangan berdasarkan ayat contoh tersebut, agar pengguna-pengguna kamus dapat memahami makna **tawa** yang sebenarnya.

Contoh yang kedua ialah proleksem **renang** yang didefinisi tanpa menggunakan pendekatan tertentu. Pemaknaan **renang** dibuat seperti yang di bawah :

**renang** I ; kolam ↗ kolam utk berenang;  
lumba ↗ perlumbaan berenang  
(sukan);

**berenang** bergerak dgn tangan dan kaki dll di air: ikan ↗ dalam air; acara-acara sukan itu ialah lumba lari, mendayung sampan, menembak, ↗; ↗ kodok Id ist suatu cara berenang, gaya dada; menelentang berenang dgn badan yg menelentang; mengajar itik ↗ prb perihal membuat sesuatu pekerjaan yg sia-sia;

**merenangi** berenang di (ke): ↗ orang lemas; ↗ laut lepas prb perihal pergi ke negeri lain dgn tiada tentu tujuan;

**merenangkan** membawa berenang, membiarkan berenang: Benderang dititahkan baginda ↗ rantai terlalu besar, maka direnangkan oleh Benderang dan Badang rantai itu;  
(Kamus Dewan: 1989: 1049)

Proleksem **renang** di atas tidak disertakan maknanya, sebaliknya Kamus Dewan meletakkan ayat contoh dan sedikit penerangan kepada ayat contoh tersebut. Malangnya penerangan yang dibuat terhadap ayat contoh itu juga menggunakan

perkataan **renang** itu sendiri, dan ini tidak menjelaskan makna yang didukung oleh **renang** itu sendiri.

Selain masalah di atas, terdapat juga penggunaan pendekatan yang kurang sesuai yang boleh menimbulkan kekeliruan terhadap makna yang diberikan.

Contoh:

**becus** Jk; tidak ~~w~~, tidak cekap, tidak rapi (KD:1989: 110)

**ceroboh** i. tidak senonoh atau tidak sopan, (bkn kelakuan, perbuatan dsb), (yg) melanggar tatasusila, biadab...  
(Kamus Dewan:1989:218)

Pemaknaan **becus** di atas agak mengelirukan. Pengguna-pengguna kamus mungkin boleh mafsirkan makna **becus** sebagai *cekap* dan *rapi*; ini adalah kerana pentakrif meletakkan ayat contoh *tidak becus* sebagai *tidak cekap* dan *tidak rapi*. Begitu juga dengan leksem **ceroboh** yang didefinisi sebagai *tidak senonoh*, atau *tidak sopan*, jika diteliti **ceroboh** bermaksud sesuatu *perbuatan yang dilakukan tanpa izin yang empunya hak*. Walau bagaimanapun, di sebalik kelemahan-kelemahan yang kecil ini, Kamus Dewan telah berjaya memberi makna yang memuaskan kepada keseluruhan entri yang dimuatkan.

## 5.6 Kesimpulan

Pemaknaan memainkan peranan penting dalam penghasilan kamus. Pemaknaan yang berkesan dapat menjamin mutu sesebuah kamus, di samping memantapkan penggunaan bahasa di kalangan pengguna-pengguna bahasa dan pengguna-pengguna kamus khususnya.

Proses pemaknaan dalam leksikografi berdasarkan beberapa prinsip. Umumnya, pemaknaan merujuk kepada konsep dan bentuk penggunaan sesuatu leksem dalam ayat atau tatabahasa.

Pada keseluruhannya, Kamus Dewan telah berjaya menangani pemaknaan bagi entri-entri yang dimuatkan. Namun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang boleh diteliti bagi menjadikan Kamus Dewan sebuah kamus yang lebih mantap lagi berkualiti.